

*Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 20: 1–14*

## **Eksplorasi Penggunaan Ketum dalam kalangan Belia di Negeri Kedah**

*(Exploration Study of Ketum Consumption among Youths in State of Kedah)*

NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR & NORHAFIZAH ABD. HAMID

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

Universiti Utara Malaysia

E-mel: [zeyati@uum.edu.my](mailto:zeyati@uum.edu.my)

### **Abstrak**

*Ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna Speciosa* telah lama digunakan dalam amalan perubatan tradisional untuk merawat penyakit tertentu. Namun sejak akhir-akhir ini, ketum telah digunakan secara berleluasa sebagai bahan khayal bagi menggantikan dadah. Daun ketum direbus untuk menghasilkan air ketum dan dicampur dengan bahan-bahan lain seperti paracetamol, serbuk ubat nyamuk, dan air soda. Campuran air ketum bersama bahan tersebut boleh memberi kesan yang hampir sama dengan dadah dan menyebabkan pengamalannya ketagihan air ketum. Masalah ini berleluasa terutamanya di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengeksplorasi amalan penggunaan air ketum dalam kalangan belia di negeri Kedah. Hasil temu bual dengan tujuh informan kajian mendapati amalan penggunaan ketum adalah bagi tujuan kesihatan tubuh badan, dan sebagai alternatif kepada dadah. Selain itu, informan kajian sedar bahawa amalan pengambilan air ketum yang berlebihan dan air ketum campuran boleh membawa kepada kemudaratan termasuk kematian. Dapatan kajian ini adalah penting kepada profesion bantuan seperti pekerja sosial dan kaunselor dalam memahami amalan penggunaan ketum, seterusnya memberi input tentang intervensi dan program yang bersesuaian dalam menangani masalah ketum khususnya dalam kalangan belia.*

**Kata kunci:** *Ketum, belia, kualitatif, kajian eksplorasi.*

### **Abstract**

*Ketum or its scientific name *Mitragyna Speciosa* has been used in traditional medical practice to treat certain diseases. Recently, ketum has been used widely to replace the synthetic drugs. The mixture of the leaves and other substances such as paracetamol, mosquito coil powder, and soda water are boiled to produce ketum juice. The juice has similar impact as synthetic or traditional drugs on human body that contributes to addiction. This problem is*

*particularly prevalent in Northern States of Peninsular Malaysia. Therefore, this study aims to explore the ketum consumption among youths in the state of Kedah. The perception of seven subjects interviewed have shown that the ketum juice contributes to good health and at the same time serves as an alternative to drugs. The subjects were aware that the excessive use of ketum juice can lead to injury and fatality. These findings are important to help the professionals such as social worker and counselor in understanding the ketum consumption practice. The input will help them to come up with an appropriate interventions and programs to address the issue especially among youth.*

**Keywords:** *Ketum, youth, qualitative, exploration study.*

### Pengenalan

Pokok ketum dikenali juga sebagai pokok biak atau nama saintifiknya *Mitragyna Speciosa* adalah sejenis tumbuhan daripada famili *Rubiaceae*. Pokok ketum turut dipanggil dengan nama kakuam, ithang atau thom di Thailand dan sebagai kratom di Amerika Selatan. Pokok ini banyak terdapat di negeri-negeri Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pokok ketum sudah lama ditanam di Malaysia, tetapi mulai popular sejak awal tahun 2003 terutama dalam kalangan belia yang mengambil dadah (Agensi Anti Dadah Kedah (AADK), 2010). Air rebusan daun ketum dikatakan berupaya menjadikan seseorang itu khayal dan ketagih. Daun ketum mengandungi bahan yang dikenali sebagai mitraginin dan ianya berfungsi seperti candu dan morfin. Menurut Chitrakarn, Sawangjaroen, Prasetho, Janchawee, dan Keawpradub (2008), pengambilan ketum yang berlebihan boleh menyamai kesan ketagihan dadah jenis morfin. Oleh itu ketum telah digunakan sebagai alternatif kepada dadah.

Kajian mendapati ketum dapat mengurangkan kesan sakit akibat gejala *withdrawal* (pemberhentian penggunaan dadah) dan dikatakan dapat menjadi agen detoksifikasi kepada penggunaan dadah (Tanguay, 2011). Penggunaan ketum bagi menggantikan ketagihan terhadap dadah bukanlah perkara baharu di Thailand dan ianya telah digunakan secara meluas sejak 60 tahun lalu bagi mengurangkan pergantungan kepada candu dan ganja (Tanquay, 2011). Di Barat, ketum semakin banyak digunakan oleh individu bagi menyembuhkan penyakit atau menggantikan ketagihan dadah opioid seperti heroin.

Permintaan terhadap air ketum semakin tinggi terutamanya dalam kalangan belia termasuklah pelajar sekolah. Perkara ini menimbulkan kebimbangan banyak pihak apabila mereka menggunakan air ketum sebagai satu cara melepaskan gien dadah atau alternatif kepada dadah. Pelbagai usaha sedang dan telah dijalankan seperti meletakkan ketum dalam Akta Racun 1952 dan membuat rampasan daun ketum. Air rebusan daun ketum dicampurkan dengan pelbagai bahan untuk mendapat kesan khayal yang menjadi alternatif

kepada dadah. Penjualan air ketum juga semakin berleluasa ekoran peningkatan permintaan yang tinggi terutama golongan remaja termasuk pelajar sekolah. Menurut Awang Idris (2012), pelajar sekolah menggunakan air ketum dengan cara mencampurkan bahan-bahan lain seperti panadol, ubat batuk, air coca-cola dan serbuk ubat nyamuk bagi mendapatkan kesan khayal.

Menurut *Drug Enforcement Administration* (2013), pokok ketum adalah pokok tropika yang berasal dari Thailand, Malaysia, Myanmar dan kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara. Kajian oleh Swogger et al. (2015) mendapati ketum merupakan tumbuhan psikoaktif yang telah digunakan sejak tahun 1836 bagi tujuan perubatan di negara-negara Asia Tenggara. Ketum juga digunakan untuk mengurangkan keletihan, termasuk melegakan cirit-birit dan batuk (Prozialeck, Jivan & Andurkar, 2012). Selain penggunaan ketum sebagai perubatan tradisional, ketum dikatakan mampu mengatasi masalah ketagihan dadah (Boyer, Babu, Adkins, McCurdy, & Halpern 2008). Ketum mengandungi farmakologi aktif, terutamanya mitraginin dan 7-hydroximitraginin dan ianya adalah menyalahi undang-undang di kebanyakan negara kerana boleh menyebabkan ketagihan (Prozialeck et al., 2012). Menurut Shellard (disebut dalam Raffa, 2015), mitraginin merupakan alkaloid yang dominan di dalam ketum namun jumlahnya berbeza mengikut kedudukan geografi.

Daun ketum sama ada dijadikan air rebusan, serbuk atau dikunyah merupakan satu amalan atau gaya hidup kelompok masyarakat di kawasan tertentu. Penduduk Islam di Selatan Thailand seperti Pattani, Yala dan Narathiwat tidak menganggap penggunaan ketum sebagai satu amalan yang dilarang dari segi agama berbanding penggunaan alkohol. Penggunaan ketum secara berleluasa berlaku di majlis keramaian dan di kedai kopi (Tanguay, 2011). Masyarakat dahulu mula menggunakan ketum sejak usia 25 tahun dan meneruskan amalan ini dalam kehidupan mereka. Menurut Tanguay (2011), ketum popular diamalkan oleh masyarakat Thailand kerana memberikan tenaga bagi melakukan kerja yang melibatkan penggunaan kudrat fizikal mahupun kerja-kerja rumah.

Namun, sejak kebelakangan ini, penggunaan daun ketum ini telah disalahgunakan dengan cara mencampurkan bahan tertentu di dalam air rebusan ketum. Air rebusan tersebut mampu memberi kesan khayal seperti dadah. Sehubungan itu, ketum telah diisytiharkan sebagai bahan larangan mulai Januari 2003 (AADK, 2010). Seksyen 30(3), Akta Racun 1952 memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM 10,000.00 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali jika individu disabitkan dengan kesalahan. Akta Racun 1951 (Pindaan 2003) menyatakan sesiapa yang mengimport, mengeksport, mengilang, mengubah suai, mencampur, membekal, menjual dan memiliki atau menggunakan ketum boleh disabitkan kesalahan. Pihak kerajaan Malaysia ada mencadangkan supaya mewartakan

ketum dalam Akta Dadah Berbahaya (Sinar Harian, 2014). Amerika Syarikat juga telah mengumumkan amaran import untuk ketum bagi mengelakkan gejala ketagihan, berisiko dan memudaratkan diri.

Pengambilan ketum didapati berleluasa di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia terutama di negeri Kedah. Laporan akhbar New Straits Times (2017) mendedahkan negeri Kedah muncul sebagai pembekal terbesar ketum di negara ini dengan keluasan tanaman ketum melebihi 32 hektar, dan menghasilkan nilai jualan melebihi RM1 juta sebulan. Aktiviti penanaman ketum yang berleluasa di negeri ini meningkatkan risiko penggunaan ketum dalam kalangan remaja atau golongan belia. Pengambilan air ketum secara berterusan boleh membawa kepada penagihan dadah. Penagih dadah juga menggunakan ketum sebagai alternatif kepada ketagihan dadah kerana ianya murah dan mudah didapati (New Strait Times, 2015). Oleh sebab harganya yang murah dan mudah didapati, golongan pelajar sekolah seawal usia 13 tahun turut mengambil air ketum dan ada yang membawanya ke sekolah.

Perkara ini menimbulkan kebimbangan banyak pihak dan mencadangkan agar kesalahan mengguna dan mengedar air ketum didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Cadangan ini berasaskan justifikasi bahawa tahap ketagihan ketum adalah sama seperti pengambilan morfin yang boleh menjejaskan sistem saraf manusia serta harga yang murah dan mudah diperolehi (Utusan Malaysia, 2007). Pihak hospital juga sukar untuk mengesahkan seseorang itu adalah penagih dadah sekiranya mereka mengambil minuman ketum. Oleh itu, besar kemungkinan bilangan penagih dadah yang rata-ratanya terdiri daripada remaja atau golongan belia akan terus meningkat sekiranya tiada usaha untuk meminda akta berkaitan ketum iaitu daripada Akta Racun 1952 kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.

Terdapat beberapa kajian tentang sebab-sebab pengambilan ketum dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Kajian Kamarudin dan Zoriah (2012) terhadap 562 responden di negeri Perlis dan Kedah mendapati sebanyak 94 peratus responden menggunakan ketum setiap hari dan hanya 4.2 peratus responden yang mengambil ketum dan dadah. Pengambilan ketum berdasarkan alasan meningkatkan stamina dan daya ketahanan badan, menenangkan perasaan, tujuan rekreasi dan sosial, meningkatkan hubungan seksual, membantu masalah tidur, mengurangkan ketagihan dadah dan tujuan perubatan seperti mengurangkan rasa sakit, merawat cirit-birit, diabetes dan darah tinggi (Kamarudin & Zoriah, 2012). Responden memaklumkan kesan pengambilan ketum terhadap tubuh badan boleh bertahan selama 1 hingga 6 jam. Kajian tersebut mendapati 87 peratus responden tidak boleh berhenti daripada mengambil ketum, 94 peratus rasa tidak bersalah mengamalkan ketum, dan 99 peratus tidak mengabaikan keluarga semasa mengambil ketum.

Singh, Muller dan Vicknasingam (2014) turut menjalankan kajian di tiga buah negeri di Utara Semenanjung Malaysia (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) yang melibatkan 293 responden lelaki. Dapatan kajian ini menunjukkan pengambilan ketum berasaskan faktor meningkatkan tenaga fizikal, keinginan untuk mencuba dan pengaruh rakan sebaya, sebagai alternatif kebergantungan kepada dadah dan alkohol, rawatan kesihatan dan mengatasi masalah letih dan tiada semangat. Kajian ini juga mendapati 90 peratus responden menyatakan mereka boleh menjalankan kefungsi sosial dengan baik apabila menggunakan ketum seperti boleh bekerja dalam tempoh masa yang panjang dan bergaul baik dengan keluarga dan rakan-rakan. Sebanyak 79 peratus responden perlu mengambil ketum setiap hari. Dapatan lain kajian ini ialah 36 peratus responden mempunyai sejarah pengambilan dadah jenis *cannabis*, *heroine* atau *methamphetamine* dan mereka mengambil ketum sebagai alternatif kepada dadah tersebut.

Cinosi dan rakan-rakan (2015) telah menganalisis 95 artikel berkaitan penggunaan ketum dalam tiga pangkalan data iaitu PsycINFO, PubMed, dan Medscape secara sistematik. Berdasarkan hasil analisis tersebut, mereka mendapati selepas 5 hingga 10 minit menggunakan ketum, pengguna akan berasa gembira, minda menjadi tenang, kuat dari segi fizikal, dan aktif terutama yang bekerja di sektor pertanian. Dapatan lain ialah pengguna ketum tidak distigma secara sosial sepertimana penagih dadah. Pengambilan ketum bukan satu tingkah laku yang bersifat *taboo* terutama dalam kalangan lelaki. Dari segi kefungsi sosial pula, kajian ini mendapati pengguna ketum tidak mengabaikan keluarga malah lebih bertenaga melakukan kerja. Pengguna ketum juga menganggap pengambilan ketum bukan tingkah laku yang berisiko seperti perkongsian jarum dadah yang boleh membawa kepada jangkitan HIV.

Berdasarkan hasil kajian lepas, pengambilan ketum adalah berdasarkan sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah sebagai minuman penambah tenaga atau kekuatan fizikal, boleh didapati dengan mudah dan pada harga yang murah, alternatif kepada dadah, rekreasi dan sosial dan tujuan perubatan. Tingkah laku mengambil ketum diterima oleh masyarakat yakni tidak bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Pengambilan ketum juga tidak menyebabkan pengguna mengabaikan keluarga dan boleh berfungsi seperti orang lain. Tingkah laku ini dianggap tidak berisiko atau berbahaya sepertimana pengambilan dadah. Persepsi bahawa pengambilan ketum mempunyai manfaat kepada tubuh badan menyukarkan pihak berkuasa untuk membanteras masalah pengambilan ketum yang semakin berleluasa terutama di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Daun ketum mendapat permintaan yang tinggi dari negara jiran seperti Thailand. Hal ini menyukarkan usaha membanteras masalah penyeludupan daun ketum ditambah lagi dengan ketiadaan akta untuk menghalang pokok ketum ditanam (Utusan Malaysia, 2016).

### Metode Kajian

Objektif kajian ini ialah mengeksplorasi amalan penggunaan daun ketum dalam kalangan belia di negeri Kedah. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan untuk mencapai objektif kajian. Penyelidikan kualitatif digunakan bagi mendapat gambaran tentang sesuatu fenomena atau masalah yang dikaji dan memberi tumpuan kepada matlamat untuk memahami realiti sosial individu, kelompok dan budaya secara menyeluruh berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Kajian ini dijalankan di negeri Kedah kerana negeri ini mencatatkan bilangan pengguna ketum yang tinggi. Jumlah sebenar populasi pengguna ketum tidak direkodkan oleh mana-mana agensi. Namun begitu, akhbar-akhbar tempatan melaporkan pokok ketum banyak ditanam di negeri Kedah dan pengguna adalah tinggi di negeri tersebut. Pengguna ketum terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan majoritinya adalah golongan remaja atau belia. Menurut Dasar Belia Malaysia, had umur bagi belia ialah 15 hingga 40 tahun. Kajian ini melibatkan tujuh informan kajian yang berumur antara 16 hingga 26 tahun atau dikategorikan sebagai belia yang telah dikenal pasti sebagai pengguna ketum.

Pemilihan informan kajian ialah melalui kaedah persampelan bola salji atau *snowball*. Persampelan *snowball* ialah seorang subjek kajian akan memberi petunjuk kepada penyelidik untuk memilih subjek kajian yang seterusnya (Othman Lebar, 2015). Kajian ini menggunakan kaedah *snowball* kerana penyelidik yakin kaedah ini yang terbaik dalam mengenal pasti pengguna ketum yang sukar diperoleh dan efektif dari segi kos. Perkara pertama dalam merekrut informan kajian ialah penyelidik mengenal pasti lokasi kajian yang mempunyai banyak tanaman ketum. Penyelidik berjumpa dengan informan utama seperti Penghulu Kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk mendapatkan maklumat tentang penduduk kampung yang terlibat dengan penagihan ketum. Apabila penyelidik berjaya mendapatkan informan kajian pertama, penyelidik memohon kerjasama daripada informan pertama untuk memaklumkan rakan atau kenalan lain yang terlibat dalam penagihan ketum untuk dilibatkan dalam kajian ini. Maklumat daripada informan pertama dan seterusnya membolehkan penyelidik mendapat informan kajian yang sesuai iaitu belia dan penagih ketum.

Kaedah pengumpulan data dilakukan secara temu bual mendalam antara pengkaji dengan informan kajian. Data yang diperoleh melalui teknik ini dipercayai mampu menonjolkan apa yang tersimpan dalam fikiran informan kajian. Ia juga amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapat. Teknik temu bual memerlukan penyelidik menyelami secara mendalam aspek-aspek tertentu seperti perasaan, motif, sikap, pengalaman dan sejarah kehidupan informan kajian. Temu bual

dalam penyelidikan kualitatif adalah perbualan yang mempunyai matlamat (Padgett, 1998). Kajian ini menggunakan temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur adalah temu bual yang menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual berstruktur dengan temu bual tidak berstruktur. Kajian ini memberi peluang kepada informan kajian untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai amalan penggunaan ketum yang telah diamalkan. Sepanjang sesi temu bual, pengkaji menggunakan perakam suara dengan keizinan informan kajian terlebih dahulu. Hasil rakaman temu bual seterusnya ditanskrip dan dianalisis mengikut tema. Proses analisis data dilakukan menggunakan perisian komputer NVivo 11. NVivo ialah perisian yang direka bentuk untuk menyusun dan menganalisis data kualitatif yang diperolehi daripada temu bual separa struktur yang telah dijalankan dalam mengumpul data.

### **Dapatan Kajian**

Kajian ini melibatkan tujuh informan kajian (nama samaran) iaitu Haikal (21 tahun), Ahmad (22 tahun), Azam (26 tahun), Farid dan Dani (17 tahun), dan Khai dan Amri (16 tahun). Kesemua informan kajian masih bujang, bangsa Melayu dan beragama Islam. Seramai empat informan kajian masih bersekolah dan tiga lagi sudah bekerja. Haikal bekerja sebagai peniaga sayur dengan pendapatan sekitar RM800 hingga RM1000 sebulan. Ahmad dan Azam masing-masing berkecimpung dalam perniagaan air ketum dengan pendapatan mencecah RM3000 sebulan. Terdapat tiga tema yang wujud hasil temu bual dengan informan kajian iaitu amalan penggunaan ketum untuk tujuan kesihatan tubuh badan, sebagai alternatif kepada dadah, dan penggunaan berlebihan boleh memudaratkan kesihatan.

#### *Tema 1: Amalan Penggunaan Ketum untuk Tujuan Kesihatan Tubuh Badan*

Ahmad, Dani dan Amri berpandangan bahawa ketum mempunyai kebaikan kepada tubuh badan dan berupaya merawat penyakit tertentu seperti diabetes. Kebaikan kepada pengamal ketum ialah memberikan tenaga dan menjadikan badan lebih cergas serta rajin untuk melakukan sesuatu pekerjaan sama ada kerja berat atau ringan. Tambahan lagi, air rebusan ketum juga boleh menghilangkan rasa mengantuk dan menghilangkan sakit-sakit badan. Bagi Azam, meminum air ketum tidak menyebabkan seseorang itu mabuk seperti orang tidak siuman, sebaliknya memberikan satu perasaan seronok. Berikut adalah petikan hasil temu bual dengan informan kajian mengenai tujuan mengamalkan air ketum.

*“Ketum ni banyak kepada kebaikan la sebenarnya, bagus untuk kesihatan...untuk kencing manis (diabetes), pastu dia bagi tenaga bila nak buat kerja...tak kisah la kerja berat ke... kerja ringan ke... ambik minum” (Ahmad).*

*“Ketum ni dia...ubat la orang kata macam..ermm... tumbuhan la..sihat, untuk kesihatan kalau minum kira ok la.. tak jadi macam gila ke mabuk ke, dak (tidak). Pastu rasa syok ar happy” (Azam).*

*“Ketum ni ubat la, ubat macam nak buat kerja pastu ambik minum (gelak). Dia jadi cergas la bila minum tak sakit badan” (Dani).*

*“Ketum tu sejenis daun. Haa depa (mereka) rebus jadi air lepas tu depa minum la. Kebanyakan depa ambik untuk hilangkan ngantuk sebab bila minum dia akan jadi cergas”(Amri).*

Bagi Ahmad dan Azam yang bekerja sebagai tukang masak dan penjual air ketum, mereka perlu merasa air ketum agar mengikuti citarasa pelanggan. Rasa air ketum adalah berbeza-beza mengikut bahan campuran. Apabila sudah bekerja sebegini semestinya mereka akan turut mengambil ketum ini untuk diminum. Pengambilan air ketum juga tidak dihalang oleh ahli keluarga sendiri malah ada bapa yang turut sama mengamalkan air ketum.

*“Saya minum ni sebab saya nak rasa sendiri. Saya pon kerja jual ayaq ketum kan jadi mestilah saya minum jugak. Sebab kalau ambik ketum ni biasa nak buat kerja laa..tak kira kerja berat ke kerja ringan. Erm..minum tu dia bagi tenaga la kalau tak minum tak boleh. Kalau ambik haa dia jadi rajin” (Ahmad).*

*“Bila jadi tukang masak tu la saya ambik ketum. Sebab tukang masak dia kena rasa kan (gelak). Masa tukang masak tu la saya rasa.. minum, haa...depa kata syok-syok kita pon rasa la...haa memang syok sungguh la (gelak). Haa my big boss....ayah saya, dok minum jugak...diorang tak dak larang tak dak suruh, terpulang diorang kata jangan sampai masuk penjara sudah” (Azam).*



*Tema 2: Amalan Penggunaan Ketum sebagai Alternatif kepada Dadah*

Air ketum bukan sahaja memberi kesihatan tubuh badan kepada informan kajian, tetapi ianya bertindak sebagai dadah gantian. Haikal dan Khai mengambil air ketum untuk menghilangkan kebergantungan kepada dadah. Menurut Haikal, beliau mula terlibat dengan pengambilan dadah sejak berusia 12 tahun lagi. Bagi menghilangkan kebergantungan kepada dadah beliau terpaksa mengambil dan mengamalkan ketum. Bagi Khai, meminum air ketum yang dicampur dengan air *coke* dan ubat batuk dapat membantu penagih dadah untuk berhenti mengambil dadah. Air ketum yang dicampur juga memberikan rasa yang lebih manis. Berikut adalah petikan hasil temu bual bersama Haikal mengenai amalan penggunaan ketum sebagai alternatif kepada dadah.

*“Ermm...ketum ni ada orang cakap dia dadah, tapi bagi saya tak sebenarnya. Sebab siapa-siapa je boleh minum orang sihat ke orang sakit ke kan..kalau pada saya, saya dari umur 12 tahun saya dah terlibat dengan dadah, jadi saya ambik ketum ni untuk buat berhenti dari hisap dadah la sekarang” (Haikal).*

Haikal berkongsi pengalaman tentang penglibatan beliau dalam penagihan dadah sejak berusia 12 tahun lagi. Kini beliau telah berhenti mengambil dadah dengan cara mengamalkan minum air ketum. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat boleh menerima pengamal ketum berbanding penagih dadah. Semasa mengambil dadah, Haikal turut terlibat dengan aktiviti mencuri. Sebaliknya, beliau tidak lagi mencuri sejak mengamalkan air ketum kerana harga air ketum yang murah dan mudah didapati. Amalan minum air ketum juga membolehkan Haikal melakukan pekerjaan dengan baik. Jika Haikal tidak mengambil air ketum, badannya terasa sakit-sakit dan tidak boleh melakukan kerja.

*“Kalau kata kami..ermm kira habaq betul la dari umur 12 kami dah hisap dadah jadi kami yang penagih ni nak buang abis dadah tu kami ambik ketum ni la. Sebab kami penagih tu la kami sangkut dengan ketum ni. Hat tu laa..bukan kami nak minum suka-suka, kalau suka-suka kami pun tak nak minum. Kami minum tu dari segi cara kami. Sebab kami dulu macam ni, macam ni.. Bila kami makan hat tu (dadah) orang tak suka bila kami makan hat ni haa..orang tengok boleh buat kerja elok, haa lepas tu tak curi harta benda orang..haa..hat tu la.. Tapi yang kami minum, kami pon ada sebab minum..kalau tak minum habis satu badan rosak, jadi kena minum jugak la” (Haikal).*

*Tema 3: Amalan Penggunaan Ketum Berlebihan adalah Memudaratkan*

Informan kajian menyatakan bahawa pengambilan air ketum yang berlebihan boleh memudaratkan diri individu seperti pening kepala, khayal dan membawa kepada kematian. Pengambilan ketum berlebihan ini merujuk kepada seseorang minum air rebusan ketum tersebut melebihi kuantiti kebiasaan yang diambil atau mencampurkan air ketum dengan bahan-bahan lain seperti ubat batuk, air *coke*, dan panadol secara berlebihan. Menurut Ahmad dan Azam pengambilan ketum secara berlebihan menyebabkan pening kepala dan perasaan *high*.

*“Kesan dia tu pening lagu tu la... Biasa yang salahguna pon ada jugak. Diorang campuq dengan ubat batuk pastu coca-cola. Hat tu dia jadi khayal la. Kalau nak minum banyak tak pa tapi tu la dia jadi pening la”* (Ahmad).

*“Kalau minum lebih ni jadi pening. Tapi kalau hat yang campuq macam-macam tu bole jadi lalok jugak orang kata...high je kan”* (Azam).

Hasil daripada temu bual mendapati kesan pengambilan ketum secara berlebihan menyebabkan seseorang menjadi khayal atau separa sedar. Farid dan Amri menggunakan konsep ‘lalok’ merujuk kepada khayal. Perasaan khayal ini disebabkan meminum air ketum berlebihan pada satu-satu masa atau meminumnya dengan kerap. Kebanyakan mereka akan bercakap secara tidak jelas apabila separa sedar. Berikut adalah petikan informan kajian mengenai kesan khayal daripada pengambilan ketum secara berlebihan.

*“Dia rasa khayal. Kalau lebih ambik dia jadi lalok... merapu banyak. Minum kosong pon boleh ketagih jugak kalau dah hari-hari (gelak)”* (Farid).

*“Kalau terlebih ni dia jadi macam khayal... pening... kadang bole sampai overdose jugak. Tu je la. Tapi dia jadi macam cergas jugak... sebab dah biasa kan”* (Amri).

Selain pening dan perasaan khayal, pengambilan air ketum berlebihan boleh membawa kepada kematian. Bagi Khai dan Dani, peminum ketum yang tegar boleh terdedah dengan kematian apabila mereka minum dalam kuantiti yang banyak seperti tiga bungkus sekali ambil. Kematian juga boleh berlaku apabila memasukkan campuran yang ‘pelik’ atau bahan-bahan lain yang jarang digunakan oleh orang lain. Menurut Dani, mereka yang minum air ketum dalam kuantiti yang banyak boleh membawa kepada kematian kerana banyak getah daun ketum melekat di dalam perut mereka.

*“Kesan dia terlebih ambik ni dia jadi lain... tak boleh nak buat apa. Ada yang campur pelik-pelik tu boleh bawak kematian. Haa overdose... overdose ni kalau dia ambik tiga bungkus terus sekali minum ‘one shoot’” (Khai).*

*“Bila ambik lebih ni dia jadi macam seronok lebih. Lepas tu dia boleh jadi khayal pon ye. Haa.. boleh jugak bawak kematian sebab getah lekat dalam perut” (Dani).*

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

Objektif kajian ini ialah mengeksplorasi amalan penggunaan ketum dalam kalangan belia di negeri Kedah. Kajian ini melibatkan temu bual dengan tujuh informan kajian. Hasil temu bual secara mendalam menyingkap keadaan bahawa tingkah laku pengamalan ketum berdasarkan dua sebab iaitu sebagai amalan kesihatan dan sebagai alternatif kepada dadah. Informan kajian menyedari bahawa pengambilan air ketum berlebihan boleh memberi kemudaratan sehingga boleh membawa maut. Menurut Samihah Khalil (2016), daun ketum telah digunakan secara meluas oleh generasi terdahulu dalam bidang perubatan tradisional terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu. Antara kebaikan daun ketum ialah merawat masalah cirit-birit dan sakit perut, masalah kecacingan bagi kanak-kanak, sebagai ubat penahan sakit, mengembalikan semula tenaga wanita selepas bersalin, dan menggalakkan penyembuhan luka (AADK, 2014). Cleversley (2002) menyatakan rebusan air ketum adalah berkesan bagi mengawal kadar gula dalam darah bagi individu yang menghidap diabetes kerana ianya dapat menurunkan kadar gula dalam darah dalam masa yang cepat.

Hasil kajian mendapati amalan penggunaan daun ketum adalah sebagai alternatif kepada penagihan dadah. Informan kajian mengatakan bahawa pengambilan air ketum merupakan cara untuk berhenti daripada bergantung kepada dadah. Hal ini selari dengan pandangan Tanguay (2011) yang menunjukkan ketum dapat menggantikan ketagihan terhadap dadah sepertimana yang telah diamalkan oleh masyarakat Thailand sejak 60 tahun lalu. Mereka mengamalkan ketum bagi mengurangkan pergantungan kepada candu dan ganja. Kajian Chitrakarn et al. (2008) mendapati kesan pengamalan ketum juga boleh menyebabkan ketagihan. Ketagihan ketum boleh menyamai kesan ketagihan dadah jenis morfin.

Selanjutnya, kajian ini mendapati informan kajian turut berasa bimbang dengan kemudaratan yang boleh dialami sekiranya mengamalkan ketum secara berlebihan atau mencampurkan rebusan air ketum dengan bahan tertentu seperti ubat batuk, air coca-cola, asam boi, serbuk ubat nyamuk, dan

ubat gegat. Menurut Tanguay (2011) campuran air ketum dengan bahan lain ini adalah amat bahaya dan memberi kesan buruk kepada sistem saraf badan dan mental individu. Pengambilan air ketum berlebihan boleh membawa kepada kematian (Boyer et al., 2008; Sabetghadam, Ramanathan, Sasidharan & Mansor, 2013).

Secara kesimpulannya, kajian ini telah mengeksplorasi amalan penggunaan daun ketum dalam kalangan belia di negeri Kedah. Kajian ini penting dalam menjelaskan sebab belia mengamalkan air ketum seterusnya memberi input kepada para profesion bantuan seperti pekerja sosial, kaunselor, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi berkaitan dalam merangka dan melaksanakan intervensi dan program pencegahan yang bersesuaian. Kajian ini telah mengenal pasti tiga tema berkaitan amalan penggunaan ketum dalam kalangan belia. Namun begitu, kajian ini mempunyai limitasi tertentu seperti bilangan informan kajian yang kecil, melibatkan informan berbangsa Melayu sahaja dan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Jadi, penyelidik mencadangkan agar kajian tentang amalan penggunaan daun ketum dilaksanakan secara “*mix method*” iaitu menggabungkan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Apabila kedua-dua kaedah digabungkan ianya dapat memberi maklumat dan data yang terperinci mengenai amalan penggunaan daun ketum dalam kalangan belia.

Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa kajian ini boleh diperluaskan dengan melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan dan pihak-pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang secara langsung dalam membantu kelompok remaja yang menyalahgunakan ketum. Penglibatan kajian secara menyeluruh oleh agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Malaysia (AADK), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadikan penyelidikan lebih holistik. Penyelidikan dalam skala lebih besar membolehkan suatu modul rawatan dan pemulihan khusus kepada penagihan ketum diperkenalkan pada masa akan datang.

### Rujukan

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2010). Daun ketum (*Mitragyna Speciosa* Korth). Pusat Racun Negara. Dicapai pada 10 Oktober 2016 daripada <https://aadksabah.files.wordpress.com/2010/07/ketum1.pdf>
- Awang Idris. Mudarat air ketum sama seperti dadah. *Kosmo*, 28 September 2012. Dicapai daripada 15 September 2016 daripada [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012=va\\_01htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012=va_01htm)

- Boyer, E.W., Babu, K. M., Adkins, J. E., McCurdy, C. R., Halpern, J. H. (2008). Self-treatment of opioid withdrawal using kratom (*Mitragynia speciosa korth*). *Journal Addiction*, 103(6), 1048-1050.
- Chittrakarn, S., Sawangjaroen, K., Prasettho, S., Janchawee, B., & Keawpradub, N. (2008). Inhibitory effects of kratom leaf extract (*Mitragynia speciosa korth*) on the rat gastrointestinal tract. *Journal of Ethnopharmacology*, 11, 177-178.
- Cinosi et al. (2015). Following (the roots) of kratom (*mitragynia speciosa*): The evolution of an enhancer from a traditional use to increase work and productivity in Southeast Asia to a recreational psychoactive drug in western countries. *BioMed Research International*, 1-11.
- Cleversley, K. (2002). *Mitragynia Speciosa-Kratom*. Dicapai pada 13 Oktober 2016 daripada <http://entheology.com/plants/mitragynia-speciosa-kratom/>
- Drug Enforcement Administration. (2013). *Kratom (Mitragynia speciosa korth)*. Dicapai pada 15 November 2016 daripada [https://www.deadiversion.usdoj.gov/drug\\_chem\\_info/kratom.pdf](https://www.deadiversion.usdoj.gov/drug_chem_info/kratom.pdf)
- Kamarudin Ahmad., & Zorah Aziz. (2012). *Mitragynia speciosa* use in the northern states of Malaysia: A cross-sectional study. *Journal of Ethnopharmacology*, 141, 446-450.
- New Straits Times. (2014). Move to reclassify leaves abuse gets praise dicapai pada 2 Februari 2017 daripada <https://www.nst.com.my/news/2015/09/move-reclassify-ketum-leaves-abuse-gets-praise>
- New Straits Times. (2017). Shocking! Kedah is biggest ketum producer. Dicapai pada 18 Januari 2017 daripada <https://www.nst.com.my/news/2017/01/202241/shocking-kedah-biggest-ketum-producer>
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Padgett, D.K. (1998). *Qualitative methods in social work research: Challenges and rewards*. Callifornia: Sage.
- Prozialeck, W., Jivan, J., Andurkar, S. (2012). Pharmacology of kratom: An emerging botanical agent with stimulant, analgesic, and opioid-like effects. Dicapai pada 3 November 2016 daripada <http://jaoa.org/article.aspx?articleid=2094342#72999033>
- Raffa, R.B. (2015). *Kratom and other Mitragynines: The chemistry and pharmacology of opioids from a non-opium source*. New York: CRC Press.
- Sabetghadam, A., Ramanathan, S., Sasidharan, S., & Mansor, S.M. (2013). Subchronic exposure to mitragynine, the principal alkaloid of *Mitragynia speciosa* in rats. *Journal of Ethnopharmacology*, 146 (3), 815-823.
- Samihah Khalil. (2016). Potensi ketum sebagai rawatan alternatif. Dicapai pada 15 Oktober 2016 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/potensi-ketum-sebagai-rawatan-alternatif-1.365932>.

- Sinar Harian. (2014). Tingkat kesedaran penyalahgunaan daun ketum. Dicapai pada 15 Oktober 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/tingkat-kesedaran-penyalahgunaan-daun-ketum-1.315245>.
- Singh, K., Muller, C.P., & Vicknasingam, B.K. (2014). Kratom (*Mitragyna speciosa*) dependence, withdrawal symptoms and craving in regular users. *Drug and Alcohol Dependence*, 139, 132-137.
- Swogger, M.T., Hart, E., Erowid, F., Erowid, E., Trabold, N., Yee, K., Parkhurst, K.A., Priddy, B.M., & Walsh, Z. (2015). Experiences of kratom users: A qualitative analysis, *Journal of Psychoactive Drugs*.
- Tanguay, P. (2011). Kratom in Thailand: Discrimination and community control?. *Legislative Reform of Drug Policies*, 13, 1-16.
- Utusan Malaysia. (2014). Jangan haramkan daun ketum. Dicapai pada 20 September 2016 daripada <http://public.adk.gov.my/edrugsnews/upload/Jangan%20haramkan%20daun%20ketum.pdf>.
- Utusan Malaysia. (2007). Cadang hukuman lebih berat minum, edar air ketum. Dicapai pada 2 Februari 2017daripada[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0113&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_10.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0113&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.html).